

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan.
  2. Setiap ahli kumpulan diberikan tanggungjawab untuk memegang satu peranan atau watak.
  3. Murid diberikan masa untuk membuat persediaan.
  4. Setelah murid bersedia, murid perlu membuat persembahan dengan memainkan watak atau peranan yang telah diberikan.
  5. Lakonkan watak dan peranan mengikut situasi di bawah:

SP 7.5 TP 6

### Situasi 1

- Masa** : Hari Ahad, pukul 8 pagi.  
**Tempat** : Dapur rumah.  
**Situasi** : Ibu sedang menyediakan sarapan dan kelihatan letih kerana bangun pada awal pagi.  
**Lakonkan**: Kamu mendekati ibu dan berkata, “Ibu, izinkan saya membantu menyediakan sarapan supaya ibu tidak terlalu letih.” Kamu membantu ibu mengacau adunan sambil tersenyum mesra.

### Situasi 2

- Masa** : Hari Isnin, pukul 5 petang.  
**Tempat** : Ruang tamu.  
**Situasi** : Ayah sedang membaca surat khabar dan adik menonton televisyen dengan suara yang terlalu kuat.  
**Tindakan** : Kamu berkata, “Adik, mari kita menonton televisyen dengan perlahan supaya ayah dapat membaca dengan tenang.” Kamu memperlahankan suara televisyen dan membantu adik memilih rancangan yang lebih sesuai.